

INSURANS

# HONG LEONG SMART VALUE ASSURED INSURANCE

Regular Premium Investment-linked Plan

Tunai terjamin dengan potensi  
peningkatan pendapatan

**TIADA PENGUNDERAITAN PERUBATAN DIPERLUKAN.\***



\* Tertakluk kepada terma dan syarat

# **Hong Leong SMART Value Assured Insurance**

## **Regular Premium Investment-linked Plan**

### **Tunai terjamin dengan potensi peningkatan pendapatan**

Hong Leong SMART Value Assured Insurance adalah pelan insurans endowmen 25 tahun dengan komitmen untuk bayaran premium sesingkat 5 tahun sahaja. Pelan ini memberikan anda tunai terjamin sebagai tambahan kepada perlindungan terhadap kematian. Pelan ini boleh disesuaikan bagi memenuhi tujuan anda sama ada untuk meningkatkan pertumbuhan Nilai Akaun anda atau memiliki tunai di tangan untuk kegunaan segera.

#### **Tingkatkan pertumbuhan Nilai Akaun**

Hong Leong SMART Value Assured Insurance dengan Hong Leong Invest Gain ProRider

**ATAU**

#### **Tunai untuk kegunaan segera**

Hong Leong SMART Value Assured Insurance dengan Hong Leong Cash Gain ProRider

Pelan ini memberi tunai terjamin setiap dua tahun dari akhir tahun polisi pertama, manfaat kematangan terjamin, serta perlindungan terhadap kematian.

Selain itu, pelan ini juga memberikan anda akses kepada dana-dana yang diuruskan secara profesional yang menawarkan potensi peningkatan pendapatan.

## **Ciri-ciri Utama**

### **1. Tunai terjamin**

Akhir Tahun Polisi	Manfaat tunai terjamin
1 & 3	50% daripada tunai terjamin
Setiap dua tahun bermula dari tahun ke-5 sehingga ke-25	100% daripada tunai terjamin

### **2. Komitmen jangka pendek**

Anda hanya perlu membayar premium selama 5 tahun untuk tempoh perlindungan selama 25 tahun.

### **3. Perlindungan hayat**

Apabila berlaku kematian atas sebarang sebab, amaun yang dibayar adalah seperti di bawah:

#### **Hong Leong SMART Value Assured Insurance**

Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi

#### **Hong Leong Invest Gain ProRider/ Hong Leong Cash Gain ProRider**

4 hingga 16 kali ganda tunai terjamin bergantung kepada masa kejadian

Bagi dua (2) tahun pertama polisi, Manfaat Kematian yang perlu dibayar bukan akibat kemalangan hendaklah lebih tinggi daripada premium asas yang telah dibayar tolak sebarang pengeluaran atau Nilai Akaun, tambah premium rider yang telah dibayar.

### **4. Potensi keuntungan kewangan**

Anda boleh mengoptimumkan potensi pendapatan dengan melabur dalam rangkaian pelbagai dana berkaitan pelaburan bergantung kepada selera risiko anda.

### **5. Tanpa Kerugian**

Anda boleh pastikan bahawa anda akan menerima sekurang-kurangnya premium yang telah anda melabur apabila polisi matang. Jumlah tunai terjamin dan manfaat kematangan terjamin diterima sekurang-kurangnya 100% jumlah premium dibayar.

Ini menganggap penambahan premium tambahan tidak termasuk dalam jumlah premium yang dibayar.

## **Komisen**

Komisen ditolakkan berdasarkan premium dibayar dan ditanggung oleh pemunya polisi.

	Tahun Polisi					Jumlah
	1	2	3	4	5	
Hong Leong SMART Value Assured Insurance	5.0%	4.3%	4.1%	3.3%	3.3%	20.0%
Hong Leong Invest Gain ProRider/ Hong Leong Cash Gain ProRider	10.0%	6.5%	5.5%	1.5%	1.5%	25.0%

#### Premium Tambahan:

3.75% daripada Premium Tambahan

## Nota

1. Hong Leong SMART Value Assured Insurance adalah pelan berkaitan pelaburan dengan premium berkala yang matang pada akhir 25 tahun.
2. Umur kemasukan untuk pelan ini adalah berumur 30 hari hingga 70 tahun. Pemilik Polisi mesti berumur sekurang-kurangnya 16 tahun.
3. Pembelian polisi ini adalah suatu komitmen jangka panjang dan anda dinasihatkan agar tidak memegang polisi untuk tempoh yang singkat memandangkan ia memerlukan kos permulaan yang tinggi. Jika polisi ditamatkan awal, anda mungkin mendapat kembali jumlah yang kurang daripada premium yang telah dibayar.
4. Tiada pembayaran premium dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh akhir premium akan menyebabkan penyerahan polisi ini secara automatik dan Nilai Akaun akan dibayar.
5. Jika anda membuat keputusan untuk melakukan sebarang pengeluaran dalam tempoh dua tahun polisi pertama, Caj Pengeluaran Separa seperti dinyatakan dalam jadual di bawah akan ditolak dari Amaun Pengeluaran, tidak termasuk sebarang Amaun Pengeluaran yang ditolak dari Nilai Akaun yang disumbang oleh Premium Tambahan dan manfaat dikreditkan, jika ada.
6. Jika anda membuat keputusan untuk menyerahkan polisi anda dalam tempoh dua tahun polisi pertama, Caj Serahan seperti dinyatakan dalam jadual di bawah akan ditolak dari Nilai Akaun, tidak termasuk sebarang Nilai Akaun yang disumbang oleh Premium Tambahan dan manfaat dikreditkan, jika ada.

**Caj Pengeluaran Separa (Peratusan dari Amaun Pengeluaran)/ Caj Serahan (Peratusan dari Nilai Akaun)**

Tahun Polisi	Caj Pengeluaran Separa (Peratusan dari Amaun Pengeluaran) / Caj Serahan (Peratusan dari Nilai Akaun)
1	13%
2	6%

7. Sebelum anda mengambil polisi ini, anda harus memastikan bahawa polisi ini dapat memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium bagi polisi ini. Anda perlu menilai kesesuaian produk ini selaras dengan matlamat kewangan dan selera risiko anda.
8. Kadar caj insurans untuk Hong Leong SMART Value Assured Insurance adalah tidak dijamin manakala kadar caj premium untuk Hong Leong Cash Gain ProRider dan Hong Leong Invest Gain ProRider adalah dijamin.

**PENTING:**

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan tidak bertujuan untuk membentuk kontrak insurans. Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Produk sebelum membeli polisi dan kepada kontrak polisi untuk terma, syarat dan pengecualian spesifik perlindungan selepas membeli polisi. Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang terkandung dalam risalah ini mungkin dipinda tanpa sebarang notis.

**Ini merupakan suatu produk insurans yang terikat dengan pencapaian aset sandaran dan bukan produk pelaburan tulen seperti amanah saham.**

**Diunderait oleh**

Hong Leong Assurance Berhad 198201014849 (94613-X)  
Ibu Pejabat  
Level 3, Tower B, PJ City Development,  
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7650 1288      Faks: 03-7650 1299

Hong Leong Assurance Berhad ialah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi perantara kami, Hong Leong Bank Berhad 193401000023 (97141-X) di talian **1-800-38-8888**, kunjungi mana-mana cawangan Hong Leong Bank yang berhampiran anda atau layari [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my).